

Headline **'Manny' tidak mati dalam jagaan polis**
Date **11. Jul 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **26**
Section **Dalam Negeri** Article Size **135** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



'Manny' tidak mati dalam jagaan polis

PUTRAJAYA 10 Julai - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menafikan kematian anjing pengesanan produk cakera optik cetak rompak bernama 'Manny' pada 1 Jun lalu berlaku ketika ia berada dalam jagaan pihak polis.

Ketua Pengarah Penguat Kuasanya, Mohd. Roslan Mahayudin berkata, anjing dari jenis Labrador itu sebenarnya mati ketika berada dalam jagaan pasukan anticetak rompak (K-9) kementerian tersebut.

"Laporan yang menyatakan Manny mati ketika dalam jagaan pihak polis tidak betul dan ia boleh mendatangkan kekeliruan kepada orang ramai.

"Sebaliknya anjing itu mati semasa dalam jagaan pegawai-pegawai kami ketika mereka dalam perjalanan dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur pada pukul 1.40 petang awal bulan lalu.

"Bila sampai di Kuala Lumpur, kami terus membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Sepang," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini hari ini.

'Manny' dan seekor lagi anjing jantan Labrador dari Ireland bernama 'Paddy', dibawa ke sini sejak Februari tahun lalu oleh Motion Picture Association of America (MPAA) bagi membantu KPDN&HEP membanteras

kegiatan cetak rompak cakera video digital (DVD).

MPAA dilaporkan membelanjakan sebanyak RM74,500 bagi membeli kedua-dua anjing dari utara Ireland itu yang telah dilatih untuk mengesan polikarbonat dan bahan kimia lain yang digunakan bagi menghasilkan cakera optik.

Menurut Mohd. Roslan, pihaknya telah menghantar 'Manny' ke Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi tujuan bedah siasat dan setakat ini kementerian masih menunggu laporan mengenai punca kematiannya.

"Kematian anjing itu adalah kematian biasa dan bukannya disebabkan khianat kerana ia masih belum lagi menjalankan tugas, tiada sebab orang hendak menganiayanya," kata beliau.

Beliau berkata, berikutan kematian Manny, KPDN&HEP akan menggunakan khidmat Paddy untuk meneruskan operasi membanteras kegiatan cetak rompak cakera optik.

"Kita juga merancang untuk membeli dua ekor lagi anjing Labrador bagi menggantikan 'Manny'.

"Pada masa ini, kita sudah mengenali pasti sebuah banglo lama di kawasan bangunan Parlimen bagi diubah suai untuk dijadikan rumah anjing berkenaan dan ia akan dilengkapi dengan klinik dan tempat ia bermain," katanya.